

10 OCT 1998

Mahathir-ITEX '98

MALAYSIA PERLU MEMANFAATKAN BAKAT KREATIF, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt 10 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu dengan segera memanfaatkan bakat-bakat kreatifnya untuk tujuan-tujuan produktif dalam keadaan negara dilanda kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau berkata negara memerlukan daya kecerdasan yang tinggi, fleksibel dan inovatif untuk menghadapi cabaran-cabaran.

Dr Mahathir berkata adalah penting untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kreatif seperti penyelidikan dan pembangunan, mempunyai fikiran yang terbuka dan keyakinan diri.

"Sekiranya kita gagal mengikuti arus kita akan tertinggal dibelakang ketika masa berlalu dengan cepat mendahului kita," katanya semasa merasmikan Pameran Rekaan, Inovasi, Rekabentuk dan Teknologi Industri (ITEX'98) di pusat persidangan Sunway Pyramid di sini hari ini.

Katanya sifat suka reka adalah hasil daripada budaya yang menggalakkan rasa ingin tahu, menggalakkan keinginan untuk belajar bagaimana sesuatu itu terjadi dan bagaimana untuk menjadikannya lebih baik.

ITEX '98, yang sebelum ini dikenali sebagai Pameran Rekaan dan Rekabentuk Malaysia (MINDEX), yang bermula hari ini sehingga 13 Okt ialah acara utama Malaysia mempamerkan rekan-rekaan, inovasi, rekabentuk dan teknologi industri di rantau Asia Pasifik.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata cara dan kriteria baru perlu dicari untuk para penyelidik dan pelabur mendapatkan pembiayaan untuk projek mereka.

Dalam berkata bahawa beliau masih belum berpuas hati dengan kemajuan R&D di sektor swasta, Perdana Menteri berkata: "Saya fikir kita boleh lakukan dengan lebih baik lagi. Kita mempunyai banyak lagi dana yang belum kita gunakan."

"Satu daripada masalahnya ialah mereka yang mengawal dana yang tidak begitu menghargai apa yang mahu dilakukan oleh pereka ataupun penyelidik. oleh itu kita perlu ada kriteria lain," katanya.

"Adalah sukar bagi seseorang yang bukan pereka untuk menilai idea orang lain...kita perlu mencari cara lain, jadikannya lebih longgar," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata banyak bakat akan menjadi sia-sia hanya kerana pulangan pelaburan dalam penyelidikan sukar untuk diukur dan ini jelas dengan penyelidikan asas.

"Pelaburan dalam R&D selalunya dianggap membazir oleh pegawai-pegawai belanjawan birokratik. Penekanan ke atas pulangan secara langsung oleh pegawai-pegawai ini selalunya mengakibatkan para penyelidik tidak mendapat pembiayaan yang diperlukan," kata Dr Mahathir sambil menambah keperluan penyelidikan gunaan lebih mudah diyakinkan dikalangan birokrat.

Katanya penyelidikan asas, yang penting untuk negara, perlu digalakkan melalui pembiayaan kerajaan supaya sektor swasta dapat menyusul dengan penyelidikan gunaan.

"Walaupun penyelidikan asas mungkin tidak menunjukkan pulangan sepatutnya, penggunaan oleh sektor swasta boleh menyebabkan banyak kekayaan dijanakan. Pada analisis akhir, negara boleh mendapat faedah secara tidak langsung lebih daripada peruntukkan dalam penyelidikan asas," katanya.

Perdana Menteri berkata negara-negara membangun mempunyai kepercayaan bahawa R&D adalah hanya untuk negara kaya, dan ini, tambah beliau, adalah salah kerana mereka boleh membuat banyak penyelidikan dalam bidang-bidang khusus yang sesuai dengan keadaan mereka.

"Terdapat boleh dikatakan beribu-ribu produk yang direka untuk iklim sederhana yang perlu diubahsuai untuk iklim tropika yang panas. Di sana terdapat bidang yang sesuai untuk penyelidikan di negara-negara miskin di Selatan, kosnya tidak terlalu tinggi dan persekitarannya bebas untuk tujuan ujian," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak ada siapa yang memonopoli kemahiran untuk reka dan dan sekiranya kemudahan dan pembiayaan boleh diperolehi, hasilnya agak boleh diramalkan.

"Dan ramai para saintis daripada negara membangun didapati berkeupayaan ataupun lebih baik daripada mereka dari negara maju di mana kemudahan dan pembiayaan mudah didapati," katanya.

Beliau berkata penurunan dalam sains dan teknologi di Asia adalah disebabkan pendekatan mereka yang kurang sistematik terhadap R&D dan aplikasinya.

Katanya ramai di dunia membangun menganggap bahawa R&D dan aplikasi sains dan teknologi adalah monopoli negara-negara maju dan mereka (negara membangun) hanya menumpang hasil yang diperolehi oleh orang lain.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata keupayaan membangunkan aplikasi asli daripada maklumat yang ada perlu bergantung kepada kemahiran penerima di negara-negara membangun dan tanpa kemahiran itu, teknologi asing tidak berapa boleh digunakan.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia, "dengan kekuatan intelektual dan stamina yang terkumpul" boleh membuat lompatan daripada yang tidak diketahui kepada yang diketahui.

"Berganjak daripada terra firma kepada terra incognita memerlukan peningkatan atau memanfaatkan strategi-strategi kreatif kita," katanya.

Kemuncak ITEX '98 ialah Pertandingan Reka dan Rekabentuk yang mana 50 peserta mengambil bahagian dalam 21 klasifikasi.

Rekaan terbaik keseluruhannya akan menerima anugerah Pingat Emas Pertubuhan Harta Intelek Dunia dan hadiah tunai sebanyak AS\$1,000.

Yang turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

--BERNAMA

AZZ/RAZ WAT